



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MOTAC)

PENANGGUHAN PELAKSANAAN ANUGERAH SENI NEGARA (ASN)
2026

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) ingin memaklumkan bahawa penganjuran Anugerah Seni Negara (ASN) 2026 yang dijadualkan berlangsung pada tahun ini ditangguhkan ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Keputusan ini dibuat selaras dengan **pelaksanaan Arahan Kewangan: Langkah-Langkah Kawalan Perbelanjaan Mengurus Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Tahun 2026**, sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memperkukuh pengurusan kewangan awam secara berhemat, cekap dan berintegriti. Langkah ini turut mengambil kira keperluan semasa negara dalam memastikan pengurusan sumber kewangan dilaksanakan secara bertanggungjawab dan berfokus kepada keutamaan nasional.

MOTAC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penggiat seni, badan bukan kerajaan (NGO), institusi budaya dan pihak-pihak berkepentingan yang sentiasa memberikan komitmen dan sokongan dalam usaha memartabatkan seni, budaya dan warisan negara. Kementerian amat menghargai penglibatan awal serta kerjasama yang telah diberikan dalam persiapan ASN 2026.

Sehubungan dengan itu, MOTAC ingin menegaskan bahawa **penangguhan ini hanya melibatkan pelaksanaan majlis penganugerahan dan tidak menjejaskan usaha berterusan kementerian dalam memperkasa sektor seni dan budaya negara**. Malah, pelbagai program pembangunan kapasiti, pemerkasaan industri seni, pemuliharaan warisan serta inisiatif pengembangan budaya akan terus dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Sebagai pengiktirafan tertinggi negara kepada tokoh dan penggiat seni yang telah memberikan sumbangan cemerlang kepada pembangunan seni tanah air, ASN kekal sebagai agenda penting kementerian. MOTAC akan terus menilai kesesuaian penganjurannya pada masa hadapan berdasarkan kedudukan semasa dan keutamaan kerajaan.

Sebarang perkembangan lanjut berhubung ASN 2026 akan dimaklumkan dari semasa ke semasa menerusi saluran rasmi MOTAC.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
23 JUN 2026

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181

Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my

Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

